

SOALAN NO: 500

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan untuk menambahbaik atau menyediakan doktor-doktor pakar di Hospital Banting.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk menambahbaik dalam menyediakan perkhidmatan kepakaran di Hospital Banting yang dilaksanakan secara berperingkat. Pada masa ini terdapat 13 orang pakar telah ditempatkan di Hospital Banting yang terdiri daripada empat (4) orang Pakar Perubatan Dalaman, tiga (3) orang Pakar Pediatrik, dua (2) orang Pakar Anestesiologi dan Pakar Perubatan Kecemasan serta seorang Pakar Obstetrik & Ginekologi dan Pakar Psikiatri. Selain daripada itu, perkhidmatan kepakaran tambahan di Hospital Banting juga diberikan secara berkala oleh pakar dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang mengikut jadual yang ditetapkan.